

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20203
MIKROEKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Pilih jawapan yang **BETUL** tentang sumber ekonomi CLO1
T1

- A** Menggunakan produk sendiri dengan sumber tidak terhad
- B** Mengimbangi tingkat keuntungan dengan sumber ekonomi
- C** Menggunakan sumber ekonomi yang terhad bagi mengimbangi kehendak yang tidak terhad
- D** Menyelesaikan masalah keperluan dan kehendak dalam kehidupan dengan menggunakan sumber ekonomi

2. Nyatakan faktor pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran CLO1
T1

- A** Tanah dan modal
- B** Modal dan usahawan
- C** Buruh, modal, usahawan
- D** Tanah, modal, buruh dan usahawan

3. Maklumat di bawah menggambarkan turutan masalah asas ekonomi. CLO1
T1



Jelaskan tentang konsep kekurangan

- A** Citarasa manusia dan modal adalah mencukupi untuk sebarang kekurangan yang berlaku.
- B** Kehendak manusia yang tidak terhad menyebabkan pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah terhad.
- C** Kehendak manusia dan citarasa yang statik menyebabkan pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah tidak terhad.
- D** Modal dan usahawan dapat memastikan kehendak manusia yang tidak terhad dicapai dengan pengeluaran barang dan perkhidmatan yang terhad.

4. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Wanda Sendirian Berhad CLO1

T1

Syarikat Wanda Sendirian Berhad mengeluarkan 25,000 unit telefon pintar bagi tempoh sebulan untuk kumpulan remaja berusia lingkungan 15-21 tahun.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Wanda Sendirian Berhad ?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Bagaimana hendak mengeluarkan
- III Untuk siapa hendak dikeluarkan
- IV Berapa yang hendak dikeluarkan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

5. Pilih penerangan yang **BETUL** tentang sistem ekonomi perancangan pusat CLO1

T1

- I Rakyat dapat menikmati pelbagai barang
- II Persaingan yang saksama dalam pengeluaran
- III Kebajikan Masyarakat diutamakan
- IV Kerajaan menentukan penggunaan sumber ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Apakah yang dimaksudkan dengan permintaan? CLO1
T1
- A** Jumlah barang yang ingin dan mampu dibeli oleh pengguna dalam suatu tingkat harga tertentu.
 - B** Jumlah barang yang ingin dibeli oleh pengguna pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam jangka masa tertentu.
 - C** Jumlah barang yang ingin dan mampu dibeli oleh pengguna pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam jangka masa tertentu.
 - D** Jumlah barang yang ingin dan sanggup dikeluarkan oleh pengeluar pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam jangka masa tertentu.
7. Nyatakan Hukum Penawaran CLO1
T2
- A** harga barang naik, kuantiti yang ditawarkan naik.
 - B** harga barang turun, kuantiti yang ditawarkan naik.
 - C** harga barang naik kuantiti yang ditawarkan turun.
 - D** harga barang naik, kuantiti barang ditawarkan adalah sifar.
8. Keseimbangan pasaran boleh dicapai apabila _____ CLO1
T2
- A** kuantiti yang diminta sama dengan kuantiti yang ditawarkan
 - B** kuantiti yang diminta adalah lebih tinggi daripada kuantiti yang ditawarkan
 - C** kuantiti yang diminta adalah rendah daripada kuantiti yang ditawarkan
 - D** kuantiti yang diminta tidak berubah daripada kuantiti yang ditawarkan
9. Cukai tak langsung yang dikenakan kepada pengeluar akan menyebabkan _____ CLO1
T2
- A** keluk penawaran akan beralih ke kiri
 - B** keluk permintaan akan beralih ke kiri.
 - C** keluk penawaran akan beralih ke kanan
 - D** keluk permintaan akan beralih ke kanan

10. Apakah yang dimaksudkan dengan firma ?

CLO1

T2

- A unit ekonomi yang merancang untuk meminimumkan kos pengeluaran.
- B unit ekonomi yang bertanggungjawab memaksimumkan kepuasan manusia.
- C unit ekonomi yang bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat
- D unit ekonomi yang menggunakan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan

11. Pilih satu input tetap bagi sebuah restoran

CLO1

T2

- A pekerja
- B bahan mentah
- C bangunan kedai
- D bekalan elektrik

12. Rajah 2 dan 3 di bawah ini menunjukkan input pengeluaran sebuah firma.

CLO1

T2



Rajah 2




Rajah 3

Pilih Pasangan manakah yang **BETUL** tentang input pengeluaran di atas

	Rajah 1	Rajah 2
A	Wujud dalam jangka pendek dan jangka panjang	Wujud dalam jangka panjang sahaja
B	Kuantiti berubah dalam jangka pendek	Kuantiti tetap sama dalam jangka pendek
C	Tiada hubungan langsung dengan tingkat output	Hubungan secara langsung dengan tingkat output
D	Contoh lain buruh	Contoh lain bahan api

13. Rajah 4 menunjukkan Keluk Keluaran Marginal (MP) dan Keluk Keluaran Purata (AP). CLO1
T3



Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang hubungan MP dan AP pada titik L

- A AP sifar, di mana nilai MP malar
 - B AP sedang menurun, di mana $MP > AP$
 - C AP sedang meningkat, di mana $MP > AP$
 - D AP mencapai maksimum di mana $MP = AP$
14. Rumus di bawah berkaitan dengan jumlah kos CLO1
T3

$$\text{Jumlah Kos} = \text{Kos Tetap} + X$$


Nyatakan nilai X

- A Kos Berubah
- B Kos Purata
- C Kos Marginal
- D Kos Sifar

15. Pilih pernyataan di bawah yang menerangkan mengenai Jumlah Kos Tetap CLO1
(TFC) T3

- A** kos yang dibayar untuk memperoleh kos purata berubah dengan menggabungkan input berubah.
- B** kos yang dibayar untuk memperoleh kos purata tetap dengan menggabungkan input berubah
- C** jumlah kos yang dibayar untuk memperoleh input berubah seperti buruh, bahan mentah dan belanja kadar bayaran.
- D** jumlah kos yang dibayar untuk memperoleh input tetap seperti mesin dan bangunan, faedah atas pinjaman, susut nilai dan premium insurans.

16. Rajah 5, menunjukkan Jumlah Kos (TC) dan Kos berubah (VC) dan Kos Tetap CLO1
(FC) T3



Rajah 5

Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang Kos Tetap (FC)


- A** Jumlah perbelanjaan/ kos yang dibayar oleh firma ke atas input tetap
- B** Jumlah perbelanjaan/ kos yang dibayar oleh firma ke atas input berubah
- C** Jumlah perbelanjaan/ kos yang dibayar oleh firma ke atas input tetap sifar
- D** Jumlah perbelanjaan/ kos yang dibayar oleh firma ke atas input tetap dan input berubah

17. Antara berikut, yang manakah ciri firma pasaran persaingan sempurna CLO1
T3
- A Dikawal oleh kerajaan
 - B Bilangan penjual dan pembeli yang sedikit
 - C Keluaran barangan yang homogen sama dan serupa
 - D Firma tidak bebas untuk keluar dan masuk ke dalam pasaran
18. Jika firma mendapat jumlah hasil yang diperolehi melebihi jumlah kos yang CLO1
diperlukan bermakna firma mengalami _____. T4
- A kerugian
 - B untung normal
 - C untung kurang normal
 - D untung lebih normal
19. Ciri-ciri firma pasaran persaingan sempurna berbeza dengan pasaran monopoli CLO1
KECUALI T4
- A Syarat keseimbangan
 - B Kebebasan masuk keluar
 - C Bentuk keluk permintaan
 - D Jenis keluaran yang dihasilkan

20. Rajah 6 di bawah menunjukkan keluk keluaran marginal (MR) dan keluk kos marginal (MC) bagi sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna.

CLO1

T5



Rajah 6

Firma akan memperoleh untung lebih normal jika keseimbangan dicapai pada

- _____
- A** Titik A
 - B** Titik B
 - C** Titik C
 - D** Titik D

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** faktor pengeluaran dalam ekonomi.

CLO1T1*[4 markah]*

- b) Berikan definisi pengkelasan barang beserta contoh seperti di bawah

- i. Barang Percuma
- ii. Barang Ekonomi

[4 markah]

- c) Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan masalah asas ekonomi bagi sebuah syarikat swasta Raihana Sdn Bhd.

Syarikat Raihana mengeluarkan Produk Kecantikan *Matte Lipsticks* sebanyak 2000 unit bagi jenama *Channel* khususnya untuk penggemar alat solek kecantikan. *Lipstick* ini dikeluarkan dalam pelbagai warna dan perasa kepada peringkat umur 17 tahun hingga 35 tahun. Ia menggunakan teknologi Korea dan mendapat perlindungan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Terangkan **EMPAT (4)** masalah asas ekonomi berdasarkan perniagaan seperti di atas.

[8 markah]

- d) Jelaskan konsep permintaan dan penawaran dalam konteks ekonomi

[4 markah]

Soalan 2

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan CLO1

[4 markah] T2

T3

- b) Terangkan maksud berikut

- i. Hukum Penawaran
- ii. Keseimbangan Pasaran

[4 markah]

- c)

“Pengeluaran merupakan satu proses transformasi sumber kepada barang siap bagi memenuhi keperluan”

Berdasarkan pernyataan di atas,

- i. Takrifkan firma.

[2 markah]

- ii. Nyatakan **DUA (2)** jenis input tetap dan input berubah dalam pengeluaran beserta contoh.

[4 markah]

- d) i. Terangkan maksud industri

[2 markah]

- ii. Terangkan maksud input tetap

[2 markah]

- iii. Terangkan maksud input berubah

[2 markah]

Soalan 3

- a) Jadual 1 menunjukkan kos yang ditanggung oleh Kedai Serbaneka Wan Halim

CLO1T4T5

Bil	Kos	Jenis Kos
i	Mesin	
ii	Belanja Elektrik	
iii	Bahan Mentah	
iv	Upah Pekerja	

Jadual 1

Anda dikehendaki mengenalpasti jenis kos tetap atau berubah dan melengkapkan jadual 1.

Nota : Sila salin jadual di atas dan jawab di borang jawapan yang diedarkan.

[4 markah]

- b) Huraikan Kos Purata (AC) berserta rumus pengiraan.

[4 markah]

- c) Jelaskan **TIGA (3)** ciri- ciri perbezaan di antara firma yang beroperasi dalam pasaran persaingan sempurna dengan pasaran monopoli.

[6 markah]

- d) Terangkan **TIGA (3)** faktor wujudnya kuasa monopoli dalam pasaran.

[6 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab